

# Dialog antara agama tetap digalakkan

UM - 14/9/2006

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah melarang dibangkitkan isu-isu sensitif tidak boleh disamaertikan dengan larangan untuk berdialog antara agama.

Beliau berkata, langkah melarang dibangkitkan isu-isu sensitif dibuat semata-mata untuk memelihara perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Langkah berdialog antara agama memang digalakkan di pelbagai peringkat," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Kit Siang meminta Perdana Menteri menyatakan mengapakah kerajaan menggalakkan kebebasan beragama dan dialog antara agama di peringkat antarabangsa tetapi tidak di dalam negara, sehingga memberi amaran kepada media menjauhkan diri daripada isu-isu keagamaan.

Pada 25 Julai lalu, Perdana Menteri meminta semua pihak termasuk media menghentikan segala perbincangan mengenai agama kerana ia sangat sensitif.

Beliau menjelaskan, kerajaan kini memerhatikan kegiatan tersebut dengan serius kerana berpendapat ia boleh memberi kesan buruk kepada negara jika diteruskan tanpa sekatan

Abdullah seterusnya berkata, larangan yang turut merangkumi media massa itu dibuat bagi mengelak timbul kesusahan, selain tidak menguntungkan rakyat.

Tindakan itu juga katanya, dibuat berikutan tindakan pihak tertentu membangkitkan isu-isu sensitif khususnya berkaitan agama sehingga menimbulkan kontroversi dan keresahan dalam kalangan rakyat.

Abdullah berkata, rakyat di negara ini lebih cenderung kepada usaha mengadakan dialog antara agama dari semasa ke semasa di pelbagai peringkat menggunakan pelbagai saluran.

Sehubungan itu, tegas beliau, usaha untuk menganjurkan dialog tersebut akan terus digalakkan dan kerajaan akan mendorong para ilmuwan Islam daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) terlibat dalam dialog agama tersebut.

"Tambahan pula, jawatankuasa agama di bawah Jawatankuasa Kerja Panel Penasihat Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan mengadakan dialog antara agama bagi menggalakkan hubungan harmoni antara penganut pelbagai agama di negara ini dengan menekankan isu-isu sosial seperti pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang memerlukan kerjasama rakyat pelbagai agama," katanya.